

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR  
BILANGAN 2/1979**

=====

**RAYUAN DI ATAS KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**

-----

Seksyen 418 Kanun Tanah Negara membolehkan sesiapa yang tidak puas hati di atas keputusan berkenaan dengan sesuatu di bawah Kanun Tanah Negara yang dibuat oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri, Pendaftar dan Pemungut Hasil Tanah bolehlah merayu (appeal) kepada mahkamah.

Keputusan-keputusan Mesyuarat Kerajaan tidak ada peruntukan rayuan (appeal) oleh kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah Kuasa Tertinggi disesuatu negeri. Dengan yang demikian rayuan (appeal) di atas keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh dilayan.

Pada masa ini rayuan-rayuan (appeal) diterima oleh Pejabat Tanah diproses dan dihantar balik ke Majlis Kerajaan untuk timbangan. Amalan ini membuang masa dan hendaklah diberhentikan.

Apa yang boleh ditimbang ialah permohonan timbang semula (review) yang dibuat pihak yang berminat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Selangor. Permohonan kaji semula ini hendaklah diantara lain mengemukakan butir-butir baru didalam perkara itu yang boleh mempengaruhi keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Semua permohonan timbang semula dialamatkan atau ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Selangor akan mengarahkan Pengarah Tanah dan Galian Selangor samada boleh terus ditolak atau disiasat untuk timbang semula (review) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pengarah Tanah dan Galian, Selangor akan menyampaikan penolakan kepada pemohon timbangan semula itu.

Jika timbangan semula diperkenankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Pengarah Tanah dan Galian Selangor akan minta Pemungut Hasil Tanah berkenaan menyiasat butir-butir baru yang dikemukakan oleh permohonan timbang semula itu dan jabatan-jabatan berkenaan memberi laporan baru diatasnya – lawatan sendiri hendaklah dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah diatas kes-kes yang telah diperkenankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Selangor untuk timbangan semula itu. Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberi sebab-sebab menolak atau menyokong. Terlebih lagi jika perakuan Pemungut Hasil Tanah itu beralih daripada perakuan asalnya, sebab-sebab peralihan perakuan itu hendaklah diberi dengan jelasnya

Keputusan timbang semula ini atau pun penolakan terus di atas permohonan timbang semula ini adalah muktamad.

T.T  
**(Datuk Raja Brima Sulong B. Raja Rome)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR.